



Kanak-kanak aset pembangunan negara pada masa hadapan.

Setiap tamadun besar dunia pastinya menyedari tentang kedudukan ilmu pengetahuan sebagai prasyarat penting bagi pembangunan bangsa yang kuat dan dihormati. Bangsa yang membina tamadun besar dan mampu bertahan lama ialah bangsa yang menitikberatkan aspek keilmuan dan memperkukuh institusi kependidikannya. Sehingga sekarang, setiap negara dunia cuba memformulasikan sistem pendidikan demi kepentingan negara masing-masing.

Kenyataan ini pernah diungkapkan oleh cendekiawan Melayu, Za'ba, lewat masa dahulu iaitu:

"Maka segala punca sekalian jalan-jalan ini (mencari kemajuan), tidak syak lagi ialah ilmu pengetahuan dan pelajaran. Di atas asas-asas inilah dibina bangunan-bangunan yang lain dan daripada inilah diterbitkan persenjataan dan kelengkapan bagi membantu jalan-jalan yang lain."

(Za'ba, Lembaga Melayu, 6 Jun 1917)

Mutakhir ini dalam konteks pendidikan di Malaysia, Timbalan Perdana Menteri

merangkap Menteri Pelajaran Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin pernah melihat sikap optimistik ketika membentangkan laporan awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 11 September tahun lalu.

Namun, sehingga Januari 2013 masih banyak isu berkaitan dengan pendidikan dibangkitkan, mungkin kerana temanti-nanti kemunculan laporan penuh Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 yang sepatutnya dilaksanakan tahun ini. Masih ada ibu bapa dan pertubuhan yang mendesak pelaksanaan semula Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI), walaupun kerajaan telah berjanji akan memansuhkannya.

Keadaan bertambah keliru apabila Perdana Menteri Datuk Seri Mohd. Najib Tun Razak mencadangkan kemasukan guru dari India untuk mengajar bahasa Inggeris di negara ini ketika beliau berada di New Delhi, Disember tahun lalu. Isu yuran tambahan persekolahan yang dikenakan pihak sekolah dan dirasakan mahal oleh ibu bapa juga dibangkitkan sejak hari pertama persekolahan bermula Januari lalu.

Dalam hal ini, segala dasar dan praktik pendidikan harus ditunjangi oleh beberapa teras dalam perakuan Akta Pendidikan 1996.

Akta pendidikan ini menggambarkan citra kependidikan negara yang termanifestasi dalam beberapa dasar penting berkaitan pendidikan yang dilaksanakan sehingga kini.

Malangnya, segala perakuan ini mungkin hanya tinggal dokumen lama yang dilupakan. Mungkin sekarang, kuantiti pelajar yang lulus dari institusi pengajian tinggi (IPT) meningkat berbanding dengan tahun dahulu, tetapi adakah itu menjadi kriteria utama mengukur keberkesanan sistem pendidikan negara?

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang termaktub dalam Akta 550 - Akta Pendidikan 1996 dengan jelas menyatakan bahawa pendidikan di Malaysia merupakan usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

FPK mendefinisikan pendidikan sebagai usaha berterusan memperkembangkan potensi individu harus difungsikan sepenuhnya dalam dasar dan pengalaman pendidikan di Malaysia. Namun, mengapakah masih ada "bahan buangan" dalam sistem pendidikan berteraskan falsafah yang mumi ini?

Pendidikan seharusnya memainkan peranannya sebagai proses keadilan: menyantuni "orang yang pandai" dan "orang yang tidak pandai". Pelajar yang pandai dinilai dengan grednya. Pelajar yang mendapat gred rendah dianggap tidak pandai dan selalunya disisihkan. Hanya pelajar "pandai bergred tinggi sahaja yang layak melanjutkan pelajaran manakala pelajar "tidak pandai" yang bergred rendah tidak layak melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Sedangkan, kebolehan dan potensi manusia bukan semata-mata boleh "menjawab peperiksaan dengan baik dan mendapatkan gred yang tinggi". Jelas, ini suatu penyimpangan sistem pendidikan negara daripada falsafah pendidikan yang telah ditetapkan.

Usaha mencipta kecemerlangan wajar bermula dengan mengenal potensi diri, menemukan nilai dasar yang menerasi watak dan budayanya. Dalam konteks Malaysia, antara nilai tradisi yang terpenting ialah nilai ilmu. Nilai ilmu ini berkait erat dengan cita kebudayaan rantau ini yang terpamer pada bahasa, persuratan dan kebudayaan Melayu Islam serta kesepakatan kontrak sosial yang toleransi antara kaum dalam menciptakan sistem pendidikan yang bercitra kemalayaan yang mampu membina perpaduan nasional dan akhirnya mampu menyumbang kepada keharmonian dan kemakmuran individu, keluarga, masyarakat dan umat manusia seagat.

Amat menyedihkan, ketika ghairah mengejar status negara maju dengan segala macam agenda transformasi cuba dilaksanakan, pendidikan seolah-olah dianaktirikan. Seharusnya, dasar pendidikan menjadi asas pembangunan negara, bukan berasaskan ekonomi, pembangunan dan kemajuan secara lahiriah. Oleh itu, merujuk kepada Akta Pendidikan 1996 pihak yang terbit perlu menyedari bahawa "ilmu itulah penentu utama arah tujuan negara dan penyelamat bangsa".

Menyedari hakikat masalah fundamental yang tersirat di sebalik persoalan hala tuju pendidikan negara, beberapa cadangan umum dikemukakan, antaranya FPK perlu difungsikan sebagai landasan penggubalan kurikulum, proses pengajaran dan pembelajaran, serta seluruh kegiatan persekolahan. FPK perlu dimartabatkan semula dan dihayati secara lebih bererti dalam pengubalan kurikulum dan proses pengajaran dengan menekankan dimensi penerapan nilai murni, pengembangan potensi, kesepaduan, keseimbangan, dan keharmonian.

Bagi mengembalikan pendidikan kepada esensi, fungsi, dan misi hakikinya, istilah "pendidikan" harus digunakan semula menggantikan istilah "pelajaran" yang digunakan sekarang. Istilah pendidikan jelas lebih kental, lebih padat, dan lebih tepat dari segi erti, isi, dan kandungannya.

Pendidikan sebagai proses pembinaan generasi memang memerlukan masa yang panjang, tidak boleh diringkaskan. Kenyataannya kini, "tidak cukup masa" sering dijadikan alasan untuk menjelaskan pelbagai kelemahan dan ketidakberkesanan dalam pengajaran dan aspek pendidikan lainnya. Besar kemungkinan alasan tersebut benar. Pihak Kementerian sewajarnya mempertimbangkan semula idea persekolahan satu sesi yang pada suatu ketika dahulu pernah dibincangkan. Persekolahan satu sesi membolehkan penambahan masa untuk pengajaran dan pembelajaran, proses pengukuhan dan interaksi guru-murid.

Bagi meningkatkan keberkesanan pendidikan dan penghayatan bahasa dan kebudayaan, pengajaran bahasa Melayu harus dirancarkan dengan penerapan nilai ilmu dan kebudayaan. Kreativiti dalam pengajaran bahasa Melayu amat diperlukan dengan mengoptimalkan penggunaan teknologi dan mengoperasi makmal bahasa di sekolah masing-masing.

Antara yang sangat dipentingkan sekarang ialah tahap penguasaan tulisan jawi dalam sistem persekolahan. Kelemahan penguasaan tulisan jawi menyebabkan kedangkalan ilmu agama, di samping kehilangan khazanah persuratan warisan, ilmu dan hikmah kepujangan bangsa yang bertulisan jawi. Di samping meneruskan pengajaran jawi dalam subjek bahasa Melayu, tulisan jawi juga hendaklah digunakan seluas mungkin dalam pengajaran dan pembelajaran subjek pendidikan Islam.

Kerajaan juga harus tegas dengan pendirian, dasar utama dan kesepakatan tentang bahasa Melayu dan teras sistem persekolahan kebangsaan. Segala tuntutan dan cadangan yang menyalahi kesepakatan ini tidak perlu dilayan.



Bagi penambahbaikan sistem pendidikan arus perdana dan sistem persekolahan kebangsaan, mungkin ada kebijaksanaannya pihak Kementerian melihat pelbagai eksperimen pendidikan alternatif yang dilaksanakan oleh badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), termasuk sistem persekolahan swasta yang berasaskan agama, menggunakan pendekatan bersepadu dan mengamalkan sistem persekolahan satu sesi. Berdasarkan sambutan hangat masyarakat mungkin ada kekuatan tertentu pada persekolahan alternatif tersebut yang dapat dipelajari dan dimanfaatkan.

Dalam hal ini pendidikan bukan barangan komoditi, bukan hak milik industri, bukan proses indoktrinasi, bukan rahu politik, malah bukan untuk dikomersialkan. Makna pendidikan yang sebenar harus difahami, dan nilai pendidikan harus dikembalikan dalam pengalaman pendidikan negara. Malaysia mempunyai potensi besar untuk maju dalam bidang pendidikan seterusnya dapat melonjak kemakmuran negara, kesejahteraan rakyat, keharmonian kaum, kemajuan ekonomi, kehidupan sosial yang baik, dan kestabilan politik dalaman. Peranan pendidikan yang besar tidak sewajarnya disempitkan hanya kepada kepentingan material yang berjangka masa pendek. **BM**

Penulis sekretariat Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM).